946/1 2022

STPM

# PENGAJIAN PERNIAGAAN

**Satu jam empat puluh lima minit**

**UNIT PENGAJIAN PERNIAGAAN**
**PUSAT TINGKATAN ENAM**
**SMK TINGGI SETAPAK , KUALA LUMPUR**

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN

**Arahan kepada calon:**
**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN**

*Jawab* **semua** *soalan dalam Bahagian A*

*Jawab soalan* **11** *dalam bahagian B*

*Jawab soalan* **12** ***atau*** *soalan* **13** *dalam bahagian B. Anda boleh menjawab kedua-dua soalan ini tetapi hanya* ***satu jawapan pertama*** *yang akan diperiksa.*

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada 5 halaman bercetak**

**Disahkan oleh**

**.....**

**Bahagian A** (50 *markah*)

*Jawab* ***semua*** *soalan.*

1. Nyatakan ***empat*** faktor pengeluaran dalam proses pembuatan kasut. [4]

2. Huraikan ***tiga*** aktiviti perniagaan berasaskan pengeluaran. [6]

3. Huraikan ***tiga*** faktor yang mempengaruhi pemilihan lokasi kilnag. [6]

4. 


Rajah 1 : Proses Kawalan Kualiti

Huraikan ***X*** dan ***Y*** dalam proses kawalan kualiti berdasarkan rajah di atas. [4]

5. Senaraikan ***empat*** faktor yang mempengaruhi gelagat pengguna. [4]

6. Huraikan ***dua*** strategi penentuan harga produk baru. [6]

7. Huraikan ***tiga*** jenis sumber dana mengikut jangka masa pendek yang boleh digunakan oleh sesebuah perniagaan. [6]

8. Nyatakan ***empat*** prinsip insurans. [4]

9. Huraikan ***dua*** jenis latihan yang boleh digunakan oleh sesebuah syarikat. [4]

10. Jelaskan ***dua*** skim kemudahan penamatan perkhidmatan yang digunakan dalam sesebuah organisasi. [6]

Bahagian B *[50 markah]*

*Baca kajian kes di bawah dan jawab soalan yang mengikutinya.*

**Lotus Store (Malaysia) Sdn Bhd.**

11 Lotus store Malyasia Sdn Bhd. (Lotus's) yang dikenali dahulu sebagai Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd. Lotus's dikendalikan oleh Charoen Pokphand Group Co. Ltd (CPG), memulakan operasi di Malaysia melalui pemerolehan operasi Tesco di Malaysia sejak tahun 2020 dengan menelan modal sekitar AS$10.6 bilion. Menurut Tesco,penjualan ini akan mengembalikan AS$5 bilion kepada pemegang saham melalui dividen khas. Syarikat ini dimiliki oleh keluarga Chearavanont yang merupakan pemegang saham utama Lotus's.

Lotus's adalah destinasi membeli-belah barangan runcit. Lotus's memberi potongan harga untuk kebanyakan makanan sejuk dan beku seperti sosej ayam, bebola daging, bebola ikan, daging lembu cincang pelanggan dengan mudah. Lotus's juga memastikan pelanggan memperolehi makanan ayam dan daging yang dijamin halal, dengan perakuan dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

CPG mengekalkan semua pekerja Tesco untuk menyokong aspirasi dan rancangan pertumbuhan perniagaan ini. Menurut Presidennya, Kenneth Chuah menyatakan pandemik ini telah menyebabkan ramai kehilangan pekerjaan, CPG menyokong inisiatif kerajaan dalam mewujudkan pekerjaan bagi rakyat Malaysia dengan menawarkan 200 jawatan tetap untuk rakyat tempatan di pusat pengedaran Bukit Beruntung, sebagai tindak balas kepada saranan kerajaan dalam mewujudkan pekerjaan bagi rakyat Malaysia berikutan kadar pengangguran yang tinggi kesan wabak Covid-19. Lotus's merekrut 600 rakan sekerja tempatan untuk memenuhi permintaan tinggi yang luar biasa semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pada Disember 2020, Lotus's kini mengendalikan semua operasi cawangan Tesco dengan menggajikan lebih dari 8,600 rakan sekerja di satu ibu pejabat, dua pusat pengedaran dan 62 cawangan di seluruh Semenanjung Malaysia.

Inisiatif tanggungjawab sosial korporat dijalankan dengan kerjasama penyewa pasar raya dan pembekal Lotus's serta organisasi bukan kerajaan (NGO). Inisiatif Prihatin 1.0 telah membantu kira-kira 6,000 pelajar B40 kurang mampu dari 21 Program Sekolah Angkat Lotus's. Melalui inisiatif ini, pelajar terpilih diberi kupon makanan yang dapat ditebus dari mana-mana medan selera Lotus's di seluruh negara. Sepanjang inisiatif ini juga, pelajar dan keluarga mereka juga mendapat barang keperluan tambahan seperti beras, minyak masak, minuman panas dan sejenisnya yang disediakan oleh Lotus's, penyewa pasar raya dan pembekal. Kemudian Lotus's melancarkan Inisiatif Prihatin 2.0 untuk membantu golongan kurang bernasib baik di dalam komuniti. Untuk Inisiatif Prihatin 2.0, baucar bernilai RM100 diedarkan melalui 15 stor Lotus's kepada 5,000 penerima bantuan Food Food Foundation. Ini adalah kerana situasi sekarang amat mencabar dan mendapat impak negatif terutama untuk golongan kurang mampu kerana wabak Covid-19.

Berdasarkan kes di atas;

a) Jelaskan ciri-ciri entiti perniagaan yang dijalankan oleh Lotus's. [6]

b) Terangkan faktor persekitaran perniagaan yang mempengaruhi perkembangan perniagaan Lotus's. [24]

Jawab **satu** soalan sahaja, iaitu sama ada soalan **12** atau soalan **13.**

12. Jelaskan lima campuran promosi bagi sesebuah organisasi. [20]

13. Terangkan lima cabaran dalam pengurusan sumber manusia. [20]

SKEMA PEMARKAHAN – PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGGAL 1/STPM 2022

**1. Empat faktor pengeluaran dalam proses pembuatan kasut ialah :**

- Bahan mentah
- Teknologi
- Keusahawanan
- Modal
- Modal insan (pilih empat pertama: 4m)

**2. Tiga aktivti pengeluaran berasaskan pengeluaran ialah :**

a) Ekstraktif

- Melibatkan aktiviti pengeluaran bahan mentah daripada sumber semulajadi dari bumi sama ada di daratan atau lautan tanpa mengubah bentuk asalnya.

b) Barangan Pengguna (barangan konsumer)

- Melibatkan proses pengeluaran barang-barang untuk kegunaan pengguna akhir.

c) Barangan Industri

- Perniagaan yang melibatkan pengeluar barangan menjual keluarannya kepada pengeluar lain, akan memproses keluaran tersebut atau menambah nilai keluaran tersebut dijual semula atau menghasilkan produk lain untuk dijual.

d) Pembuatan

- Merupakan aktiviti menghasilkan produk dengan memproses dan menggunakan sumber-sumber organisasi seperti bahan mentah, manusia, mesin dan teknologi untuk memenuhi kehendak pelanggan.

e) Pemasangan

- Melibatkan aktiviti mencantum atau memasang komponen-kompenen sesuatu produk bagi menghasilkan barangan siap untuk dipasarkan.

(pilih tiga aktiviti yang pertama: F=1+ H=1, 3x2=6m)

**3. Tiga faktor yang mempengaruhi pemilihan lokasi kilang ialah :**

a. Bekalan tenaga buruh

- Penawaran tenaga buruh yang mahir dan berkualiti adalah penting. Jika kilang pengeluaran adalah berintensifkan buruh, maka kilang tersebut akan beroperasi di kawasan yang kadar upahnya adalah rendah.

b. Pembekal dan sumber

- Bahan mentah yang murah dan berkualiti adalah penting. Kebanyakan industri yang menggunakan bahan mentah berat sesuai ditempatkan berhampiran dengan pembekal agar kos dapat dikurangkan.

c. Politik and sosiobudaya setempat

- Politik dalaman yang stabil membolehkan perniagaan berjalan dengan aman, tiada gangguan dan perubahan yang kerap terhadap peraturan dan undang-undang berkaitan perniagaan.
- Aktiviti berjalan lancar

d. Peraturan dan kawalan undang-undang

- Pengenaan cukai yang tidak membebankan, perlindungan hak milik dan perlindungan tarif akan menjadi tumpuan pengeluar yang ingin memilih lokasi untuk mengembangkan operasi pengeluaran produk masing-masing.

e. Iklim dan kos utiliti

- Iklim yang sesuai dan bebas dari bencana seperti banjir, gempa bumi membolehkan pengeluar berjalan dengan lancar. Kos utiliti seperti tarif air, elektrik dan gas yang berpatutan mengurangkan kos pengeluaran.

f. Sistem pengangkutan dan logistik

- Kemudahan pengangkutan yang baik seperti lebuh raya, kereta api dan laut perlu diambil kirabagi memastikan bahan mentah dan produk siap dapat dihantar dengan segera.

g. Saiz dan kos tanah

- Kos tanah yang terlalu tinggi membuatkan pemilik perniagaan membuat keputusan membeli atau menyewa sesuatu lokasi. Lokasi perniagaan yang strategik dan menjadi tumpuan ramai mempunyai kos tanah yang tinggi.

h. Pengguna sasaran

- Lokasi yang dipilih haruslah berdekatan dengan kebanyakan pelanggan utama.

i. Ciri-ciri sosial

- Pendapatan penduduk, budaya dan kualiti hidup seperti kadar upah, keperluan latihan, produktiviti pekerja, tarak kesihatan, produktiviti, kesatuan sekerja dan lain-lain.

j. Jarak lokasi dengan tempat kemudahan

- Jarak lokasi dengan kemudahan seperti institusi kewangan, pembekal, pemasar memudahkan urusan pembayaran dan penerimmaan wang, bekalan dan pemasaran produk.

(pilih tiga faktor yang pertama: F=1 + H=1, 3x2=6m)

**4. Proses kawalan kualiti berdasarkan gambarajah ialah :**

a) X ialah Rancang

- Aktiviti mengkaji proses pengeluaran, mengenal pasti masalah, menentukan matlamat dan membangunkan perancangan untuk penambahbaikan kepada kualiti prosedur.

b) Y ialah Semak

- Membuat pemantauan ke atas setiap proses kawalan yang dilaksanakan.

(F=1 + H=1, 2x2=4m)

**5.** Empat faktor yang mempengaruhi gelagat pengguna ialah :

- Budaya
- Sosial
- Individu
- Psikologi
- Situasi (pilih empat pertama: 4m)

**6. Dua strategi penentuan harga produk baru ialah :**

a) Kaedah penarahan pasaran

- Merupakan strategi pengeluar menetapkan harga yang tinggi setanding dengan kuailti dan imej produk yang dijual bagi mendapatkan keuntungan yang maksimum.
- Jualan produk adalah sedikit tetapi keuntungan yang diperoleh adalah banyak dalam jangka masa pendek.

b) Kaedah penembusan pasaran

- Merupakan strategi pengeluar menetapkan harga jualan yang rendah supaya dapat menembusi pasaran yang lebih luas dan memperoleh syer pasaran yang besar.
- Jualan produk adalah banyak manakala keuntungan akan diperoleh dalam jangka masa panjang.

(F=1 + H=1, 3x2=6m)

**7. Tiga jenis sumber dana mengikut jangka masa pendek yang boleh digunakan oleh sesebuah perniagaan ialah :**

a) Overdraf

- Kemudahan kredit yang disediakan oleh bank kepada pemegang akaun semasa yang membenarkannya mengeluarkan wang yang melebihi baki yang terdapat dalam akaun semasa tersebut setakat had yang ditetapkan.

b) Pemfaktoran

- Aktiviti pemfaktoran melibatkan pengambilalihan dan pentadbiran akaun penghutang perniagaan dan aktiviti pengutipan hutang.

c) Penerimaan Jurubank

- Merupakan bil pertukaran yang dikeluarkan oleg pengimport atau pengeksport dan diterima serta disahkan oleh bank. Dengan penerimaan dokumen tersebut, bank mempunyai komitmen untuk membayar sejumlah wang yang dinyatakan pada satu tarikh masa tertentu atau masa depan.

d) Trust Receipt / Resit Amanah

- Merupakan jaminan pembayaran oleh pihak bank kepada pengeksport daripada dalam dan luar negara.

e) Pinjaman berjangka

- Satu kemudahan pinjaman khusus jangka pendek yang disediakan oleh pihak bank untuk memenuhi keperluan sumber dana yang mendesak kepada pelanggan perniagaan.

f) Nota janji

- Satu bentuk pinjaman jangka pendek daripada pihak perniagaan, bukan daripada institusi kewangan

g) Kredit dagangan

- Kemudahan kredit yang diberikan oleh pihak pembekal kepada peniaga bertujuan untuk melariskan jualan

(pilih tiga sumber yang pertama: F=1+ H=1, 3x2=6m)

**8. Empat prinsip insurans ialah :**

a) Prinsip ganti rugi
b) Prinsip doktrin punca terdekat
c) Prinsip kepentingan boleh diinsuranskan
d) Prinsip penuh percaya mutlak (F=1, 4x1=4m)

**9. Dua jenis latihan yang boleh digunakan oleh sesebuah syarikat ialah :**

a) Latihan di luar tempat kerja

- Latihan yang dijalankan oleh organisasi sendiri atau organisasi luar dan dijalankan di luar waktu bekerja atau di luar tempat kerja

b) Latihan sambil bekerja

- Latihan yang dijalankan di premis atau organisasi semasa bekerja. Hal ini memberi peluang kepada pelatih untuk mempelajari selok-belok di tempat kerja melalui usaha sendiri. Latihan ini membekalkanpengalaman kerja sebenar kepada pelatih.

c) Pembelajaran kendiri

- Pembelajaran yang memerlukan penglibatan secara peribadi, berinisiatif, membuat penilaian kendiri bagi memastikan tahap penguasaan dan memberi kesan yang berterusan. Pengetahuan yang diperoleh daripada pengalaman kerja dan kehidupan.

d) Latihan perantisan

- Kaedah ini menggabungkan latihan sambil bekerja dengan latihan di luar tempat kerja. Sesuai unutk pekerjaan yang memerlukan kemahiran tinggi dan lazimnya digunakan untuk melatih pekerja seperti mekanik, juruteknik, juruelektrik dan kerja yang berkaitan dengan seni dan kraf.

e) Simulasi

- Pelatih akan mempelajari teknik atau cara bekerja yang sebenar dengan menggunakan model yang serupa dengan peralatan sebenar

f) Latihan penginstitusian

- Latihan yang dikendalikan oleg golongan profesional daripada institusi atau badan-badan mengkhusus dalam pengedalian program latihan.

g) Pembelajaran secara dalam talian

- Kaedah ini menggunakan arahan secara 'online' dengan bantuan kemudahan komputer.

h) Kajian kes

- Dalam kaedah ini, pelatih-pelatih akan diberikan maklumat berkaitan dengan sesuatu kes perniagaan dan diminta untuk menyelesaikan masalah perniagaan berdasarkan maklumat yang ada.

(pilih dua latihan yang pertama: F=1+ H=1, 2x2=4m)

**10. Dua skim kemudahan penamatan perkhidmatan yang digunakan dalam sesebuah organisasi ialah :**

a) Penamatan perkhidmatan secara wajib

- Pekerja yang tamat kontrak dilepaskan oleh organisasi tanpa sebarang syarat.
- Contohnya, mengikut Akta Pekerjaan 1955, syarat umur bersara wajib bagi pekerja dalam sektor swasta ialah 55 tahun, manakala sektor awam pula syarat umur bersara wajib ialah 60 tahun.

b) Penamatan perkhidmatan secara sukarela

- Pekerja berhak memilih untuk bersara lebih awal atau berhenti kerja secara sukarela lebih awal sekiranya mereka ingin menamatkan kontrak atas pilihan sendiri
- Contohnya, penjawat awam yang sepatutnya bersara wajib pada umur 60 tahun tetapi memilih untuk bersara awal pada umur 56 tahun.

c) Penamatan perkhidmatan secara pemberhentian

- Pekerja ditamatkan perkhidmatan bukan kerana penamatan secara wajib atau secara sukarela.
- Contohnya, pekerja diberhentikan atas tindakan disiplin atau perubahan kepada syarikat yang menyebabkan pekerja dibuang disebabkan penutupan syarikat.

(pilih dua skim yang pertama 1F+1H+1C= 2 x 3 = 6m)

**Bahagian B**

a) Jelaskan ciri-ciri entiti perniagaan yang dijalankan oleh Lotus's.[6]

| **Ciri-ciri** | **Kajian kes** |
|---|---|
| Milikan[1] | • Syarikat ini dimiliki oleh keluarga Chearavanont yang merupakan pemegang saham utama[1] |
| Modal [1] | • memulakan operasi di Malaysia melalui pemerolehan operasi Tesco di Malaysia sejak tahun 2020 dengan menelan modal sekitar AS$10.6 bilion[1] |
| Agihan keuntungan[1] | • Tesco menyatakan penjualan ini akan mengembalikan AS$5 bilion kepada pemegang saham melalui dividen khas.[1] |

b) Terangkan faktor persekitaran perniagaan yang mempengaruhi perkembangan perniagaan Lotus's. [24]

| Persekitaran tugas | Huraian | Kajian Kes |
|---|---|---|
| Pelanggan[1] | Pihak yang membeli produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh organisasi perniagaan[1] | -Lotus's memberi potongan harga untuk kebanyakan makanan sejuk dan beku seperti sosej ayam, bebola daging, bebola ikan, daging lembu cincang serta tempura nugget untuk Kempen 'Raya mesti Raya'.[1]<br>-Lotus's juga memastikan pelanggan memperolehi makanan ayam dan daging yang dijamin halal, dengan perakuan |

# Suka sampel ini?

## Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

# RM12.90

**BELI SEKARANG >**

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta